

Program BA100 mampu turun harga barang

MTSHN teliti inisiatif kurang peranan orang tengah

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@nsp.com.my


Putrajaya

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (MTSHN) akan meneliti pelaksanaan inisiatif Program Barang Asas 100 (BA100) yang dijangka boleh mengurangkan harga barang dan peranan orang tengah serta mengeluarkan sendiri barang keperluan asas.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang mempengerusikan MTSHN, berkata pelaksanaan BA100 membabitkan Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) dalam usaha kerajaan menangani kos sara hidup.

Katanya, koperasi yang mempunyai seramai 6.1 juta ahli sejak 30 Jun 2018, dapat memainkan peranan penting untuk membantu kerajaan menangani kos sara hidup melalui program pembangunan pemborongan, peruncitan dan pertanian.

"Melalui pemborongan dan



Dr Wan Azizah mempengerusikan mesyuarat ketiga MTSHN di Putrajaya, semalam.

peruncitan, ia membabitkan pengukuh dan pemantapan pusat pengedaran koperasi. Peruncitan membabitkan pembangunan produk koperasi. Pertanian pula membabitkan pertanian, perikanan, sayur dan buah dan input pertanian," katanya.

Beliau bercakap pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat ketiga MTSHN di sini, semalam. Yang turut hadir Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Mohd Yusof.

Sementara itu, Saifuddin Nasution menjelaskan BA100 adalah 100 barang asas termasuk

tepung, gula, beras serta barang yang biasa dibeli orang ramai hasil pemerhatian yang dibuat pihak koperasi.

Kembangkan program QFish ke seluruh negara

"Ideanya adalah jika mereka boleh senaraikan 100 barang asas ini dan menguasai ekosistem yang meliputi pemborongan, pengedaran dan peruncitan dan mempunyai kedai, maka 100 barang ini dapat dijual di kedai mereka dengan harga yang lebih rendah," katanya.

Dalam pada itu, Dr Wan Azizah berkata MTSHN juga ber-setuju untuk mengembangkan program QFish ke seluruh negara dengan menggunakan teknologi pembekuan ikan secara Individual Quick Freezing da-

lam membantu kerajaan mensabarkan harga ikan di pasaran.

"Program QFish ini menyarkau untuk meningkatkan penjualan kapasiti ikan daripada 561 tan (MT) kepada 3,500 MT setahun," katanya, sambil menambah usaha itu juga adalah untuk mengekang masalah kekurangan ikan di pasaran.

Dr Wan Azizah turut mengumumkan pelantikan lima anggota baharu MTSHN iaitu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ignatius Darrel Leiking; Peguam Negara, Tommy Thomas; Ahli Parlimen Jeli, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC), Surina Shukri dan Presiden Majlis Belia Malaysia, Jufitri Joha.